

*Proses Dan Bentuk Kerja Komunikasi  
Jabatan Penerangan Pasir Mas,  
Keberkesannya Dalam penyampaian  
Maklumat Kepada Masyarakat Umum.*

Di sediakan oleh ;

- |                                 |          |
|---------------------------------|----------|
| 1. Adam Sakeri bin Hj. Iberahim | 98029483 |
| 2. Mohd Nizan bin Abd Majid     | 97236979 |
| 3. Mazlan bin Hj. Isa           | 98029611 |
| 4. Mazlan bin Hj. Idris         | 98599089 |
| 5. Kashmir binti Yusuf          | 97389591 |

*Kertas projek yang dikemukakan untuk kajian  
Fakulti Pentadbiran Dan Undang-undang  
Universiti Teknologi Mara, Cawangan Kelantan  
Bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat  
Untuk memperolehi Diploma Pentadbiran Awam  
Mei 2003*

## PENGHARGAAN.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadarat Allah S.W.T kerana dengan limpahan rahmat maka kami dapat menyiapkan Kertas Projek ini di dalam masa yang telah ditetapkan. Selawat dan salam ke atas Rasul Junjungan, Nabi Muhammad S.A.W., para rasul dan Nabinabi, Para sahabat serta para pejuang Islam di akhir zaman.

Ribuan terima kasih buat Tn. Hj. Mohd Nor Shapiin, pensyarah Kertas Projek PAD 340 Universiti Teknologi Mara, Cawangan Kelantan selaku Ketua Penyelaras kertas projek di atas tunjuk ajar dan bimbingan serta nasihat yang diberikan kepada kami untuk menghasilkan kertas kerja yang bermutu. Dengan pengetahuan “ zero base “ beliau telah berjaya menyakinkan kami sehingga kertas projek ini dapat disempurnakan walaupun terdapat kekurangan dan kesilapan.

Sekalung penghargaan untuk pegawai dan kakitangan Pejabat Penerangan Pasir Mas, Kelantan yang telah memberi kerjasama dan membantu dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dan tidak lupa juga kami mengucapkan terima kasih kepada pihak perpustakaan UiTM Machang, Perpustakaan Daerah, responden-responden dan mereka yang telah memberi kerjasama kepada kami sehingga dapat kami

menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Kepada mereka semua ,  
semoga Allah memberi ganjaran yang setimpal di atas kerjasama dan  
pertolongan yang tidak ternilai yang mereka berikan kepada kami.

Tidak dilupakan penghargaan yang tidak terhingga buat ibu bapa,  
suami/isteri, serta keluarga yang disayangi kerana banyak memberi  
perangsang dan dorongan demi melihat kami berjaya di dunia lebih-lebih  
lagi di akhirat. Allah sahaja yang mampu membalas jasa kalian.

Semoga Kertas Projek ini dapat memberi faedah pengetahuan  
kepada pelajar-pelajar lain atau sebagai bacaan umum untuk  
mengembangkan lagi minda pelajar. Semoga usaha ini diberkati Allah.

Amiin.

Sekian, terima kasih.

Adam Sakeri Hj. Iberahim  
Mohd Nizan Abd Majid  
Mazlan Hj. Isa  
Mazlan Hj. Idris  
Khasmir Yusuff

Diploma Pentadbiran Awam,  
UiTM Cawangan Kelantan.

Mei 2003 .

## SENARAI KANDUNGAN.

Penghargaan.	ii
Senarai Kandungan.	iv
Abstrak/ Sinopsis.	viii
Senarai Jadual.	ix
Senarai Rajah.	x
 Kandungan.	
 BAB 1 : PENDAHULUAN.	
 1.1 Rasional	1
1.2 Objektif	4
1.3 Kaedah/ Skop Penyelidikan	5
1.4 Angkubah-angkubah Yang Digunakan	7
1.5 Sekatan dan Masalah	8
 BAB 2 : KOMUNIKASI DAN PEMBANGUNAN.	
 2.1 Pendahuluan	10
2.2 Apakah Pembangunan	11

## ABSTRAK.

Kajian ini adalah merupakan satu kajian kes yang cuba memaparkan sejauh mana keberkesanan proses dan bentuk komunikasi yang dijalankan oleh para Pegawai di Jabatan Penerangan Jajahan Pasir Mas, Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan program-program komunikasi dan penyampaian maklumat kepada masyarakat umum. Dalam kajian ini kami dapat maklumat dari data primer/data mentah dan juga data-data skunder melalui agen-agen kerajaan, swasta dan badan berkanun bagi menguatkan rumusan kajian dan penyelidikan kami. Kumpulan kami memilih Jajahan Pasir Mas sebagai kawasan kajian kerana ianya adalah merupakan Jajahan yang kedua besar dinegeri Kelantan. Disamping itu juga ia merupakan Jabatan Penerangan yang kedua ramainya kakitangan selepas Jabatan Penerangan Kota Bharu.

Oleh kerana organisasi yang dikaji menjalankan kerja-kerja komunikasi dalam bentuk yang berbagai-bagai seperti majlis sivik, tayangan wayang gambar, ceramah, majlis dailog, penerangan dan sebagainya kumpulan kami tidak mampu untuk membuat kajian kepada semua kerja-kerja komunikasi yang dijalankan, kerana masa dan kemampuan yang terhad.